

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, February 17, 2020 9:45 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: We Care: Serving Our Communities Dedah Bahaya Jenayah Pedofilia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 FEBRUARI 2020 / 23 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: PENDIDIK

WE CARE: SERVING OUR COMMUNITIES DEDAH BAHAYA JENAYAH PEDOFILIA



UUM ONLINE: Dalam dunia serba moden hari ini, kecanggihan teknologi maklumat, internet dan gajet pintar menjadikan manusia semakin hanyut di bawa arus maklumat tanpa sempadan yang boleh diakses hanya di hujung jari.

Presiden PENDIDIK UUM, Mohamad Amirul Hayat Salehin berkata, ledakan ini memberi ruang yang cukup luas kepada industri pornografi untuk berkembang pesat.

"Pada zaman sekarang, pedofilia bukan lagi isu kecil sebaliknya memerlukan perhatian kritikal dan jika tidak ditangani dengan segera dibimbangi meninggalkan kesan terhadap mental kanak-kanak untuk jangka panjang.

"Atas kesedaran itu, Persatuan Pengurusan Pendidikan (PENDIDIK) dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Kubang Pasu telah menganjurkan program *We Care: Serving Our*

Communities yang bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang bahaya jenayah pedofilia,” katanya.

Amirul Hayat berkata, pedofilia merupakan keinginan seseorang untuk memenuhi nafsu seksual dengan melibatkan kanak-kanak. Sering kali pedofilia datang daripada golongan lelaki dewasa yang tertarik dengan kanak-kanak lelaki mahupun perempuan secara seksual.

Menurutnya, meskipun seseorang itu hanya mempunyai keinginan seksual terhadap kanak-kanak walaupun tanpa menyentuh mereka, perbuatan pelaku tersebut masih dianggap sebagai pedofilia.

Katanya, pedofilia dan pornografi kanak-kanak adalah bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang serius.

“Golongan ini sepatutnya disayangi dan dilindungi, bukan didera atau dieksploitasi secara fizikal, mental mahupun seksual.

“Kanak-kanak yang menjadi mangsa serangan seksual mungkin akan mengalami trauma seumur hidup mereka misalnya kemurungan, kebimbangan, masalah pemakanan dan tidak mempunyai keyakinan diri di kalangan kanak-kanak,” katanya.

Tambahnya, tips melindungi diri daripada menjadi mangsa pedofilia antaranya tidak mempamerkan gambar diri yang tidak berpakaian atau berpakaian tidak sopan, tidak memberitahu lokasi di laman sosial, pakai pakaian yang tidak begitu menonjol, segera memberitahu ibubapa sekiranya didekati orang yang mencurigakan.

Sementara itu, wakil Pejabat Pelajaran Daerah Kubang Pasu, Rosmira Saad berkata, kanak-kanak secara tidak sedar cukup mudah terdedah terhadap penderaan seksual menerusi media sosial.

Menurutnya, kempen ini diharap mampu menjadikan masyarakat bersikap proaktif untuk menanganinya demi kesejahteraan generasi yang bakal mewarisi masa depan negara.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.